

LEMBAGA TOTALISATOR
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016



LEMBAGA TOTALISATOR
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016



KANDUNGAN

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah	1
Maklumat Korporat	3
Laporan Lembaga	4
Sijil Ketua Audit Negara	13
Penyata Pengerusi Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah	15
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia	16
Penyata Kedudukan Kewangan	17
Penyata Pendapatan Komprehensif	18
Penyata Perubahan Ekuiti	19
Penyata Aliran Tunai	20
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	21



AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi

EN. NG ENG TONG

(Dilantik pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

Ahli-Ahli

YBHG. JENERAL TAN SRI DATO' SRI (Dr.) HAJI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

PGAT PMN PSM PJN SSAP SIMP SPMT SPMP SPMS SSTM SPMK SPKK SPTS SSDK
DHMS DPPN DCSM SPDK PNBS SUMW PSAT DPKK DGMK DSDK DMSM PMW PAT
JMN SDK KMN ASK AMK Emirate First Class (UAE) Nishan-i-Imtiaz (Pakistan) Legion
of Honor (Phil) DPKT (Brunei) Kartika Eka Paksi Utama (Indonesia) Yudha Dharma
Utama (Indonesia) Darjah Utama Bakti Cemerlang (Singapura) The Knight Grand Cross
(First Class) of the Most Noble Order of the Crown of Thailand (Thailand) AMIM MSc
(NDU) mpat lmt psc Hon DMgt (UNITAR)

(Dilantik pada 15/7/2014 – 14/7/2016)

(Dilantik semula pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

YBHG. TAN SRI DATUK RICHARD CHAM HAK LIM

PSM DMSM PMW

(Dilantik pada 15/7/2014 – 14/7/2016)

(Dilantik semula pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

EN. LIM ENG HO

(Dilantik pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

EN. NG ENG TONG

(Dilantik pada 15/7/2014 – 14/7/2016)

(Dilantik semula pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

EN. VELLUPILLAI WILLIAMS BALASINGAM

(Dilantik pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

EN. SAW LIP KHAI

(Dilantik pada 15/7/2014 – 14/7/2016)

(Dilantik semula pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

CIK TEOH MEI SHEAN

(Dilantik pada 15/7/2016 – 14/7/2018)

EN. OMAR BIN ABDULLAH

(Dilantik pada 24/11/2014 – 23/11/2016)

(Dilantik semula pada 24/11/2016 – 23/5/2018)



YDH. DATUK SERI MOHMAD BIN SALLEH
SMW DSAP DSMZ JMN PGPP PSPP ASA ANS
(Dilantik pada 1/07/2015 – 30/6/2017)

Ahli Bersara

YBHG. DATO' RICK LOH LAP SANG
DPMT AMN MPHF
(Dilantik pada 15/7/2014 – 14/7/2016)

YBHG. DATO' JOHN LIM EWE CHUAN
DPMP
(Dilantik pada 15/7/2014 – 14/7/2016)

YBHG. DATO' ONG ENG KHUAN
DSPN
(Dilantik semula pada 15/7/2014 – 14/7/2016)



MAKLUMAT KORPORAT

Ibu Pejabat

Lembaga Totalisator Malaysia
L17-03 & L17-03A, Level 17
PJX-H.M. Shah Tower
No. 16A, Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya

Telefon : 03 – 7931 5386 / 7931 5487
Faks : 03 – 7931 4879

Juruaudit

Ketua Audit Negara

Ketua Pegawai Eksekutif

YBHG. DATO' ABDUL RAUF BIN SANI
DIMP KMN ASDK AMN



LAPORAN LEMBAGA

Saya bagi pihak Lembaga, membentangkan Laporan dan Akaun Tahunan Lembaga bagi tahun berakhir 31hb Disember 2016.

Kegiatan-Kegiatan

Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang telah ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 telah melibatkan diri dalam mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan peraturan yang diluluskan.

Di samping mempertingkatkan kemudahan totalisator di semua Kelab Lumba Kuda, LTM juga ditugaskan supaya prosedur pertaruhan dan pengutipan cukai ke atas operasi totalisator dilaksanakan mengikut jadual.

Pada 14hb Mac 1991, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya LTM tidak lagi terlibat secara langsung dengan aktiviti pertaruhan berdasarkan lumba kuda tetapi sebaliknya berfungsi sebagai Agensi Pengawal (Regulating Agency) sahaja.

Aktiviti lumba kuda dan pertaruhan lumba kuda diserahkan sepenuhnya kepada Kelab-Kelab Lumba Kuda dan agennya Usaha Tegas Sdn. Bhd./Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd., selaras dengan Perenggan 7 skim sekarang yang telah diluluskan di bawah Seksyen 16 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Keputusan di atas telah berkuat kuasa pada 31hb Ogos 1991.

Sebagai Agensi Pengawal, tugas-tugas LTM ialah:-

- mengawasi dan mengawal agen yang dilantik untuk menjalankan aktiviti pertaruhan lumba kuda melakukannya menurut skim dan peraturan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan;
- memastikan sebarang perubahan kepada skim atau peraturan bagi pertaruhan lumba kuda yang hendak dilaksanakan mendapat kelulusan bertulis dari Kementerian Kewangan sebelum perubahan itu dilaksanakan;
- memastikan tindakan agen yang dilantik bertindak selaras dengan dasar Kerajaan berkaitan dengan perjudian;
- memastikan agen mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Penswastaan berkenaan;
- memastikan agen membayar cukai-cukai yang berkaitan;
- memastikan agen memperuntukkan sebahagian daripada pendapatannya sebagai sumbangan kepada badan-badan sukan dan kebajikan;



- lain-lain tugas yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari masa ke semasa.

Pada 9 Ogos 2011, Jana Pendidikan Malaysia Sdn. Bhd. (JPM) telah membeli keseluruhan saham Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. daripada Tanjong Plc/Usaha Tegas Sdn. Bhd. Pada 5 Oktober 2012, Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. telah menghantar Notis Perlepasan (*Notice of Renunciation*) sebagai agen Lembaga Totalisator Malaysia bagi Operasi Perlumbaan Totalisator (*Racing Totalisator Operation*). Efektif 4 April 2013 Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. tidak lagi terlibat di dalam operasi totalisator perlumbaan kuda/Racing Totalisator Operations (RTO) dan tidak lagi bertanggungjawab terhadap obligasi sepertimana yang termaktub di dalam *Totalisator Operation Agreement*. Walaubagaimanapun, operasi totalisator bagi nombor ramalan/Number Forecast Operations (NFO) masih lagi dikekalkan oleh Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. Justeru, Kelab-Kelab Lumba Kuda telah dilantik sebagai agen bagi menggantikan Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. untuk mengambil alih Operasi Pertaruhan Totalisator (RTO).

Melalui penyelesaian global pada 4 Disember 2015, Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. telah bersetuju sebagai tambahan membayar kepada Lembaga Totalisator Malaysia:-

- (a) RM10 juta setiap tahun sebagai pemegang lesen *Number Forecast Operations* (NFO); dan
- (b) RM6 juta setiap tahun bagi lesen untuk operasi *telephone betting* NFO.

Royalti daripada Nombor Telahan/*Numbers Forecast* telah menunjukkan **penurunan** sebanyak RM8,318,196 daripada **RM15,765,224 pada tahun 2015** kepada **RM7,447,028 bagi tahun 2016**.

Bagi tahun 2016, Lembaga Totalisator Malaysia telah menerima RM16 juta sebagai pemegang lesen NFO dan yuran eksklusif untuk operasi *telephone betting* daripada Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd.

Dengan wang 5% Royalti berserta yuran lesen dan *telephone betting* NFO yang diterima oleh Lembaga Totalisator Malaysia daripada Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. telah digunakan untuk kesinambungan *Racing Totalisator Operations* (RTO) serta memajukan industri perlumbaan kuda.

Bagi Tahun 2016, EQ Sport Sdn. Bhd. menyumbang sebanyak RM150,000 kepada Lembaga Totalisator Malaysia. Sebagai agen pelaksana, EQ Sport Sdn. Bhd. bersetuju untuk membayar kepada LTM 5% daripada keuntungan bersih atau RM150,000 yang mana lebih tinggi ke atas pertaruhan totalisator daripada Kelab-Kelab Lumba Kuda Perak, Pulau Pinang, Selangor dan EQ Sport Sdn. Bhd.

Pendapatan keseluruhan LTM dalam tahun 2016 berjumlah RM25,135,550. LTM telah meluluskan geran di luar jangkaan sebanyak RM1,498,298 dalam tahun tersebut. Geran-geran ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 20, Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang berbunyi ***“Subject to any regulations made under section 29, the Board may from time to time distribute any moneys forming part of the funds of the Board and not required by it in the exercise of its powers under section 4 for all or any of the following purposes: (a) social and welfare purposes including the welfare of the blind, handicapped and under privileged, the relief of poverty, the***



treatment of tuberculosis and the fostering of non-political youth movements; and (b) the promotion of sport generally in Malaysia including the provision of playing fields.”.

Geran-geran berkenaan adalah dengan objektif untuk mempromosikan sukan serta membantu badan-badan sukarela lain khususnya berkaitan orang-orang kurang upaya, kanser serta program motivasi kepimpinan. Tindakan ini diambil selaras dengan dasar Kerajaan untuk membantu pertumbuhan ekonomi dan perkembangan sukan Negara secara amnya.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi Tahun 2016 pelaksanaan dan penerimaan *Key Performance Index* (KPI) Lembaga Totalisator Malaysia hanya terdiri daripada 2 indeks utama sahaja di bawah Seksyen 4 dan 20 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Pencapaiannya adalah seperti berikut: -

<i>Key Performance Index</i>	Peruntukan RM	Sebenar RM	Perbezaan RM	Kenyataan
Penambahbaikan Industri Perlumbaan dan Aktiviti di Kelab-Kelab Lumba Kuda - Seksyen 4	23,500,000	26,542,400	(3,042,400)	Lebih perbelanjaan disebabkan bantuan kepada EQ Sport Sdn. Bhd. dan Malayan Racing Association di dalam operasi perlumbaan
Pembangunan dan Promosi Sukan Berkuda - Seksyen 20(b)	-	1,000,000	(1,000,000)	Kelulusan bantuan di luar jangkaan
Tanggungjawab Korporat dan Sosial - Seksyen 20(a)	-	498,298	(498,298)	Kelulusan bantuan di luar jangkaan
	23,500,000	28,040,698	(4,540,698)	

Geran

LTM telah memberi geran berikut pada tahun 2016: -

Tanggungjawab Korporat Dan Sosial (<i>Corporate Social Responsibilities</i>)		
Penerima	Butiran	Jumlah RM
Kelab Perbendaharaan Putrajaya	Sumbangan untuk Hari Keluarga Kementerian Kewangan	100,000
Suara Penghuni Rumah Kediaman Polis Diraja Malaysia	Sumbangan untuk aktiviti sosial	20,000



Tanggungjawab Korporat Dan Sosial (<i>Corporate Social Responsibilities</i>)		
Penerima	Butiran	Jumlah RM
PIBG SK Pendidikan Khas Selangor	Sumbangan kepada Anak-Anak Miskin dan Kurang Upaya sempena Hari Raya Aidilfitri	5,400
MAKSAK Malaysia	Sumbangan untuk " <i>National Blue Ocean Strategy Run, Walk and Ride 2016</i> " yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan	300,000
Kelab Audit Wilayah Persekutuan (KAWIP)	Sumbangan untuk Kayuhan Merdeka Tahun 2016 yang dianjurkan oleh KAWIP	50,000
Nurul Hayah Binti Khairuddin	Sumbangan kepada Dr Nurul Hayah untuk menghadiri Kursus <i>Equine Medical Ultrasound & Diagnostic Techniques</i> di Singapura dan <i>Equine Hindlimb Lameness Diagnostic & Therapy</i> di Sweden	12,598
PIBG SRK Jalan Bellamy	Sumbangan 5 unit hamper sempena "Hari Keusahawan SRK Jalan Bellamy"	500
Kelab Ekuestrian Cape Cavallho	Sumbangan untuk menjayakan <i>Battle Track Trophy Horseback Archery Tournament Round 1</i> di Ladang Ternakan Kuda Rembau	10,000
Jumlah		498,298

Pembangunan Sukan di Malaysia		
Penerima	Butiran	Jumlah RM
Majlis Ekuin Malaysia	Geran untuk menampung kos operasi dan pentadbiran Majlis Ekuin Malaysia	1,000,000
Jumlah		1,000,000
Jumlah Besar		1,498,298



Hal-Hal Utama

Berikut adalah beberapa pencapaian:-

Pusing ganti	2016 RM	2015 RM	%
Menang/Tempat	306,441,574	327,185,646	(6.34)
Forecast	52,060,904	58,503,885	(11.01)
Trifecta	72,510,276	80,565,939	(10.00)
Forecast - 4	5,075,274	5,802,062	(12.53)
Forecast - Multiple	19,423,904	20,881,209	(6.98)
Jackpot (6 Win)	6,390	-	100.00
Jumlah	455,518,322	492,938,741	(7.59)

Cukai Perjudian dan Totalisator	2016 RM	2015 RM	%
Cukai Perjudian	36,441,466	39,435,099	(7.59)
Cukai Totalisator	16,763,074	18,140,146	(7.59)
Jumlah	53,204,540	57,575,245	(7.59)

Pusing ganti telah menurun dari RM492,938,741 pada tahun 2015 kepada RM455,518,322 pada tahun 2016, iaitu kemerosotan sebanyak 7.59%.

Hasil Kerajaan dari Cukai Perjudian dan Totalisator turut merosot sebanyak RM4,370,705 dari RM57,575,245 kepada RM53,204,540.

Perbelanjaan

Berikut adalah kategori perbelanjaan bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015: -

	2016 RM	2015 RM
Emolumen	932,364	756,812
Perbelanjaan	27,628,788	21,331,120
Susutnilai	749,980	231,086
Jumlah	29,311,132	22,319,018
Sumbangan Derma	1,498,298	1,260,200
Jumlah Perbelanjaan	30,809,430	23,579,218



Lebihan Pendapatan dan Cukai

Berikut adalah senarai bagi lebihan/ (defisit) pendapatan dan cukai termasuk lebihan/ (defisit) bersih selepas ditolak cukai bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015: -

	2016 RM	2015 RM
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai	(5,673,880)	6,079,489
Cukai	(377,068)	(219,089)
Lebihan/(Defisit) selepas cukai	(6,050,948)	5,860,400

MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA


Sebanyak empat (4) Mesyuarat Jemaah Lembaga telah diadakan dalam tahun 2016.

Mesyuarat	Tarikh
LTM 1/2016	16 Mac 2016
LTM 2/2016	25 Mei 2016
LTM 3/2016	18 Ogos 2016
LTM 4/2016	24 November 2016

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, Kelab-Kelab Lumba Kuda, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain di atas sumbangan, sokongan dan bantuan mereka.


Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Ahli-Ahli Lembaga dan Anggota Pekerja Lembaga Totalisator Malaysia di atas sokongan mereka.



Ng Eng Tong
Pengerusi

20 April 2017

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator Malaysia) 1961, Akta 494. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh Lembaga Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti

tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Totalisator Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(RAFTAH BINTI IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 APRIL 2017






LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan
[Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah


Kami, Ng Eng Tong dan Tan Sri Datuk Richard Cham Hak Lim yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Ng Eng Tong
(Pengerusi)

Bagi pihak Lembaga,



Tan Sri Datuk Richard Cham Hak Lim
(Ahli Lembaga)

Tarikh: 16 MAR 2017

Petaling Jaya

Tarikh: 16 MAR 2017

Petaling Jaya




LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan
[Lembaga Totalisator], 1961)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE
ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA


Saya, Dato' Abdul Rauf Bin Sani, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Petaling Jaya, Selangor pada)
)

16 MAR 2017


Dato' Abdul Rauf Bin Sani

Di hadapan saya,




HEMALA
RAJALINGAM
PESURUHJAYA SUMPAH
MALAYSIA
No. 40A, Jalan 52/18
46200 Petaling Jaya, Selangor
H/P: 012-6847688



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	5	384,369	303,923
HARTANAH PELABURAN	6	44,814,970	4,094,915
ASET SEMASA			
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	7	800,122	802,505
Faedah belum diterima dari simpanan tetap		339,588	415,133
Royalti belum diterima	8	10,700,000	14,000,000
Simpanan tetap	9	24,500,000	26,000,000
Wang di bank		809,489	12,698,487
Wang di tangan		5,000	5,000
		37,154,199	53,921,125
TOLAK : LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru		2,286,469	13,560,873
		2,286,469	13,560,873
ASET SEMASA BERSIH		34,867,730	40,360,252
		80,067,069	44,759,090
 Dibiayai oleh: KUMPULAN WANG AM	 10	 80,067,069	 44,759,090
		80,067,069	44,759,090

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penyata kewangan ini.



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
Pendapatan pertaruhan	11	7,597,028	16,215,224
Bayaran tahunan daripada ejen	3(f)	10,000,000	7,698,630
Yuran lesen diterima	3(g)	6,000,000	4,619,178
Pendapatan lain	12	1,538,522	1,125,675
		25,135,550	29,658,707
Emolumen	13	(932,364)	(756,812)
Susut nilai	5&6	(749,980)	(231,086)
Pendermaan/geran	14	(1,498,298)	(1,260,200)
Perbelanjaan untuk mempertingkatkan aktiviti lumba kuda Malaysia dan kemudahan kelab-kelab lumba kuda	15	(26,542,400)	(19,398,982)
Perbelanjaan lain	17	(1,086,388)	(1,932,138)
		(30,809,430)	(23,579,218)
LEBIHAN / (DEFISIT) SEBELUM CUKAI		(5,673,880)	6,079,489
CUKAI	16	(377,068)	(219,089)
LEBIHAN / (DEFISIT) LEPAS CUKAI	10	(6,050,948)	5,860,400
PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN-LAIN			
Lebihan penilaian semula hartanah pelaburan	3(c)	41,358,927	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF		35,307,979	5,860,400

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penyata kewangan ini.



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN WANG AM RM
Baki pada 1 Januari 2015	38,898,690
Lebihan bersih tahun semasa	5,860,400
Baki pada 31 Disember 2015	44,759,090
Baki pada 1 Januari 2016	44,759,090
Defisit bersih tahun semasa	(6,050,948)
Lebihan penilaian semula hartanah pelaburan	41,358,927
Baki pada 31 Disember 2016	80,067,069



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Royalti diterima	10,747,028	12,265,224
Sewa diterima	240,000	240,000
Bayaran tahunan daripada ejen	10,000,000	7,698,630
Yuran lesen diterima	6,000,000	4,619,178
Pelbagai penerimaan	55	-
Pendermaan	(1,498,298)	(1,260,200)
Perbelanjaan am	(26,343,953)	(8,729,044)
TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN UNTUK) / DARIPADA AKTIVITI OPERASI	(855,168)	14,833,788
Pembayaran cukai	(377,069)	(219,089)
Pembayaran pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru	(13,365,169)	(76,257)
Pembayaran penghutang dan bayaran pendahuluan	37,965	(11,965)
TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN UNTUK) / HASIL DARIPADA AKTIVITI OPERASI	(14,559,441)	14,526,477
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah diterima	1,351,999	817,430
Penambahan hartanah, loji dan peralatan	(191,556)	-
Perolehan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	10,000	-
TUNAI BERSIH HASIL DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	1,170,443	817,430
(PENGURANGAN) / LEBIHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(13,388,998)	15,343,907
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	38,703,487	23,359,580
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	25,314,489	38,703,487
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Simpanan tetap	24,500,000	26,000,000
Wang di bank	809,489	12,698,487
Wang di tangan	5,000	5,000
	25,314,489	38,703,487



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT AM

(a) Kegiatan Utama

Lembaga Totalisator Malaysia ("LTM") yang ditubuhkan pada 27 Mac 1961 di bawah Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961, Akta 494 telah melibatkan diri dalam mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan peraturan yang diluluskan. Di samping mempertingkatkan kemudahan totalisator di semua Kelab Lumba Kuda, LTM juga ditugaskan supaya prosedur pertaruhan dan pengutipan cukai ke atas operasi totalisator dilaksanakan mengikut jadual, mempromosikan sukan ekuin dan membuat kebajikan.

Pada 14 Mac 1991, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya LTM tidak lagi terlibat secara langsung dengan aktiviti pertaruhan berdasarkan lumba kuda tetapi sebaliknya berfungsi sebagai Agensi Pengawal (Regulating Agency) sahaja. Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

(b) Pejabat Berdaftar Dan Operasi

Pejabat berdaftar dan operasi LTM terletak di L17-03 & L17-03A, Aras 17 Menara PJX-HM Shah, No. 16A, Persiaran Barat, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

(c) Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga pada 16 Mac 2017.



2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Permatuhan Kepada Piawaian Pelaporan Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga telah disediakan mengikut Akta 494 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Inilah penyata kewangan Lembaga yang pertama disediakan mengikut MPERS. Pada tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan Lembaga telah disediakan mengikut *Private Entities Reporting Standard* (PERS).

Peralihan Kepada Ranga Kerja MPERS

Pemakaian MPERS memerlukan semua piawaian dalam MPERS digunakan kepada penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan kenyataan baki awal kedudukan kewangan pada tarikh peralihan kepada MPERS. MPERS memperuntukkan beberapa pengecualian mandatori dan pengecualian bukan mandatori untuk permohonan retrospektif beberapa piawaian.

Kesan peralihan kepada MPERS adalah dinyatakan dalam Nota 4.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 3(c) dan 4.

(c) Penggunaan Anggaran dan Pertimbangan

Menurut MPERS, penggunaan anggaran dan pertimbangan penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan anggapan tersirat adalah dikaji semula secara berterusan. Semakan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

Tidak terdapat bidang penting mengenai ketidaktentuan anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang disebut dalam Nota 4.

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Lembaga adalah bertujuan memastikan Lembaga menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran kepada Lembaga. Polisi pengurusan risiko kewangan Lembaga bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Pihak Lembaga membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank. Pihak Lembaga tidak melabur di dalam saham disebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

(i) Risiko Mudah Tunai

Pihak Lembaga mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(ii) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, pelbagai penghutang dan lain-lain belum terima, pelbagai pemiutang dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.



(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos atau nilai setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya seperti kadar berikut:

Perabot, kelengkapan dan peralatan	20%
Kenderaan	20%
Peralatan komputer	20%

Perabot, kelengkapan dan peralatan setiap satu dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susut nilai terkumpul.

(c) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan, terutamanya merangkumi hartanah yang dipegang sama ada untuk memperoleh hasil sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya, untuk hasil sewa jangka panjang dan tidak diduduki oleh Lembaga. Hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri setiap lima tahun kewangan.

Perubahan dalam penilaian semula akan dikreditkan / dicajkan secara langsung kepada penyata pendapatan komprehensif. Pada tahun 2016, lebih penilaian semula hartanah pelaburan berjumlah RM41,358,927.

Susut nilai hartanah pelaburan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos atau nilai setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya seperti kadar berikut:

Bangunan	5%
Kemajuan ladang	20%

Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan. Tanah milik pajak disusutnilai berasaskan jangkamasa pajakan.



(d) Kelebihan Bersih Atas Pertaruhan Totalisator

Pendapatan ini diambilkira berdasarkan 5% dari keuntungan bersih tahunan daripada EQ Sport Sdn. Bhd. atau RM150,000.00 setahun, yang mana lebih tinggi. Bagi tahun 2016, Lembaga menerima pendapatan tersebut dari EQ Sport Sdn. Bhd. sebanyak RM150,000.00.

(e) Royalti

Royalti 5% yang diterima bersih daripada keuntungan adalah merupakan hasil daripada Nombor Telahan yang dibayar oleh Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. ("PMP").

(f) Bayaran Tahunan Daripada Ejen

Bayaran tahunan sebanyak RM10,000,000.00 daripada PMP selagi ia kekal sebagai ejen Lembaga untuk operasi nombor ramalan.

(g) Yuran Lesen Diterima

Yuran lesen tahunan sebanyak RM6,000,000.00 bagi lesen berterusan yang eksklusif untuk mengendalikan pertaruhan bagi operasi ramalan nombor melalui telefon.

(h) Pendapatan Lain

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

Pendapatan sewa hartanah diiktiraf berasaskan akruan sesuai dengan substansi perjanjian.

(i) Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.



Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Pendapatan. Sebarang kenaikan seterusnya dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(j) Cukai Pendapatan

Semua pendapatan Lembaga dapat dikecualikan cukai kecuali dividen, faedah dan sewa bagi tempoh sepuluh tahun mulai daripada tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2018. Bagi pendapatan perniagaan, pengecualian cukai ini adalah di peringkat pendapatan statutori.

(k) Ganjaran Kakitangan

Jumlah kakitangan Lembaga termasuk Ketua Pegawai Eksekutif pada akhir tahun adalah seramai 6 orang (2015: 6 orang).

(i) Ganjaran kakitangan jangka pendek

Gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan akan diakrukan dalam tempoh perkhidmatan diberikan oleh kakitangan terbabit kepada Lembaga.

(ii) Ganjaran selepas tamat perkhidmatan

Lembaga mencarum dalam skim persaraan yang diwajibkan oleh Kerajaan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman berkenaan diiktirafkan sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan komprehensif apabila berlaku.

(iii) Cuti tahunan terakru

Hak kakitangan ke atas cuti tahunan akan diiktiraf apabila cuti terakru kepada kakitangan. Peruntukan ganjaran cuti tahunan dibuat untuk kakitangan tetap di mana cuti tahunan masih tidak digunakan pada tarikh penyata kewangan. Ganjaran cuti tahunan dibuat berdasarkan kepada gaji pokok bulanan menurut perjanjian yang dipersetujui oleh Lembaga. Peruntukan ini dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun ia ditanggung.



4. Penjelasan Mengenai Peralihan Kepada MPERS

Peralihan kepada MPERS telah menyebabkan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan berikut:-

Pelarasan nilai saksama hartanah pelaburan

Pelarasan nilai saksama hartanah pelaburan di penyata kewangan tahun-tahun sebelumnya, pelaburan hartanah telah diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Atas penggunaan MPERS, pelaburan hartanah pada nilai saksama yang boleh dianggarkan dengan munasabah tanpa kos yang tidak wajar atau usaha adalah diukur pada nilai saksama lima tahun sekali dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Pelarasan ini menunjukkan kenaikan nilai hartanah pelaburan dari kos kepada nilai saksama untuk Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Kedudukan Kewangan	PERS	Kesan Perubahan	MPERS
	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2016: Pelaburan hartanah diukur pada nilai kos	15,574,768	-	15,574,768
Pada 1 Januari 2015: Pelaburan hartanah diukur pada nilai kos	15,561,465	-	15,561,465
Untung Rugi Tahun 2015 Keuntungan Nilai kos pelaburan ekuiti	-	-	-



5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2016

	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan RM	Kenderaan RM	Peralatan komputer RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Jumlah RM
Kos Pada 01.01.16	367,983	272,323	128,154	363,476	1,131,936
Tambahan	-	132,733	30,866	-	163,599
Pelupusan	-	(182,269)	(21,202)	-	(203,471)
Pada 31.12.16	367,983	222,787	137,818	363,476	1,092,064
Susut nilai Terkumpul Pada 01.01.16	346,526	209,284	126,812	145,391	828,013
Susut nilai bagi Tahun 2016	21,137	20,223	5,445	36,347	83,152
Pelupusan	-	(182,268)	(21,202)	-	(203,470)
Pada 31.12.16	367,663	47,239	111,055	181,738	707,695
Nilai Buku Bersih pada 31.12.16	320	175,548	26,763	181,738	384,369



5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2015

	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan RM	Kenderaan RM	Peralatan komputer RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Jumlah RM
Kos Pada 01.01.15	367,983	272,323	128,154	363,476	1,131,936
Pada 31.12.15	367,983	272,323	128,154	363,476	1,131,936
Susut nilai Terkumpul Pada 01.01.15	325,389	191,273	124,127	109,043	749,832
Susut nilai bagi Tahun 2015	21,137	18,011	2,685	36,348	78,181
Pada 31.12.15	346,526	209,284	126,812	145,391	828,013
Nilai Buku Bersih pada 31.12.15	21,457	63,039	1,342	218,085	303,923



6. HARTANAH PELABURAN

Tahun 2016

	Tanah Pegangan Bebas/ Milik Pajak RM	Kemajuan Ladang RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Kos Pada 01.01.16	3,123,631	1,981,178	10,469,959	15,574,768
Tambahan	27,956	-	-	27,956
Penilaian Semula	29,977,000	-	15,413,000	45,390,000
Pelarasan	(3,123,631)	(1,981,178)	(10,469,959)	(15,574,768)
Pada 31.12.16	30,004,956	-	15,413,000	45,417,956
Susut nilai Berkumpul Pada 01.01.16	412,476	1,981,172	9,086,205	11,479,853
Susut nilai bagi tahun 2016	180,476	-	486,352	666,828
Pelarasan	(439,512)	(1,981,172)	(9,123,011)	(11,543,695)
Pada 31.12.16	153,440	-	449,546	602,986
Nilai Buku Bersih Pada 31.12.16	29,851,516	-	14,963,454	44,814,970



6. HARTANAH PELABURAN

Tahun 2015

	Tanah Pegangan Bebas/ Milik Pajak RM	Kemajuan Ladang RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Kos Pada 01.01.15	3,110,328	1,981,178	10,469,959	15,561,465
Tambahan	13,303	-	-	13,303
Pada 31.12.15	3,123,631	1,981,178	10,469,959	15,574,768
Susut nilai Berkumpul Pada 01.01.15	347,907	1,981,172	8,997,869	11,326,948
Susut nilai bagi tahun 2015	64,569	-	88,336	152,905
Pada 31.12.15	412,476	1,981,172	9,086,205	11,479,853
Nilai Buku Bersih pada 31.12.15	2,711,155	6	1,383,754	4,094,915



7. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2016	2015
	RM	RM
Pelbagai penghutang	676,350	616,056
Peruntukan untuk hutang ragu	(64,350)	-
	612,000	616,056
Deposit	127,828	129,828
Prabayar	60,294	56,621
	800,122	802,505

8. ROYALTI BELUM DITERIMA

Royalti sejumlah RM10,700,000 belum diterima daripada Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. bagi tempoh berakhir 31 Disember 2016. (2015 : RM14,000,000)

9. SIMPANAN TETAP

	2016	2015
	RM	RM
Simpanan tetap di institusi kewangan yang diluluskan:-		
Affin Bank Berhad	1,000,000	2,000,000
Ambank Berhad	3,000,000	5,000,000
Hong Leong Bank Berhad	3,000,000	5,000,000
Maybank Berhad	11,500,000	7,000,000
Public Bank Berhad	6,000,000	7,000,000
	24,500,000	26,000,000

Kadar faedah deposit dengan bank berlesen pada tarikh Penyata Kewangan berbeza dari 3.25% sehingga 4.30% (2015: 3.15% hingga 4.175%) setahun. Deposit ini secara umumnya mempunyai tempoh matang kurang daripada 8 bulan (2015: kurang daripada 11 bulan).



10. KUMPULAN WANG AM

	2016	2015
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	44,759,090	38,898,690
Lebihan / (Defisit) bersih tahun semasa	(6,050,948)	5,860,400
Lebihan penilaian semula hartanah pelaburan	41,358,927	-
 Baki pada 31 Disember	 80,067,069	 44,759,090

11. PENDAPATAN PERTARUHAN

	2016	2015
	RM	RM
Kelebihan bersih atas pertaruhan totalisator	150,000	450,000
Royalti atas operasi nombor telahan	7,447,028	15,765,224
	 7,597,028	 16,215,224

12. PENDAPATAN LAIN

	2016	2015
	RM	RM
Pendapatan faedah	1,276,468	873,675
Sewa diterima	252,000	252,000
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	9,999	-
Tuntutan Insurans	55	-
	 1,538,522	 1,125,675



13. EMOLUMEN

	2016 RM	2015 RM
Gaji	539,054	507,085
Bonus	92,230	83,919
KWSP	74,574	68,156
PERKESO	44,573	-
Elaun	112,500	90,000
Sagu hati	46,115	-
Peruntukan ganjaran cuti tahunan	23,318	7,652
	932,364	756,812

14. PENDERMAAN / GERAN

Penyumbangan dan geran telah diberi oleh Lembaga kepada beberapa pihak pada tahun ini seperti berikut:-

	2016 RM	2015 RM
Promosi sukan secara umum di Malaysia	1,000,000	1,200,000
Sosial dan kebajikan	498,298	60,200
	1,498,298	1,260,000



15. PERBELANJAAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI LUMBA KUDA MALAYSIA DAN KEMUDAHAN KELAB-KELAB LUMBA KUDA

	2016	2015
	RM	RM
Kelab-kelab Lumba Kuda yang mengadakan perlumbaan Novelty	-	1,000,000
Kenaikan Stakes Money untuk tiga Kelab Lumba Kuda Malaysia	-	3,000,000
Dana untuk memulakan Perlumbaan Operasi Totalisator	-	3,000,000
Perbelanjaan untuk mempertingkatkan aktiviti lumba kuda dan cabang operasinya dan menyenggara kemudahan Kelab-Kelab Lumba Kuda	26,500,000	12,317,808
Perbelanjaan untuk pelajaran, latihan, dan meningkatkan pengetahuan profesional berkaitan dengan perlumbaan kuda	-	15,000
Persatuan Lumba Kuda Malaya	42,400	66,174
	<u>26,542,400</u>	<u>19,398,982</u>

16. CUKAI

	2016	2015
	RM	RM
Cukai untuk tahun	300,000	200,000
Cukai kurang diperuntukkan pada tahun lepas	77,068	19,089
	<u>377,068</u>	<u>219,089</u>

Cukai untuk tahun 2016 adalah berdasarkan 24% (2015: 25%) atas pendapatan faedah, sewa, dan lain-lain pendapatan yang diterima. Lembaga dikecualikan cukai ke atas semua pendapatan kecuali dividen, faedah, sewa, dan lain-lain pendapatan bagi tempoh sepuluh tahun mulai daripada tahun taksiran 2009 sehingga tahun taksiran 2018 daripada Kementerian Kewangan Malaysia.



17. PERBELANJAAN LAIN

	2016	2015
	RM	RM
Perbelanjaan telefon, air dan elektrik	17,846	16,113
Sewa pejabat / tempat letak kereta	224,889	224,890
Perbelanjaan alat tulis pejabat, pos dan bank	2,874	3,279
Percetakan dan penerbitan	15,664	14,056
Keraian	1,476	2,715
Insurans	47,135	46,677
Yuran profesional	21,760	780,510
Perbelanjaan am	28,256	68,291
Perbelanjaan perjalanan	333,332	397,648
Bayaran juruaudit	21,870	21,870
Elaun Pengarah	141,936	135,231
Perbelanjaan mesyuarat pengarah	25,119	29,836
Pembaikan dan penyenggaraan	1,605	615
Perbelanjaan penginapan	91,338	105,293
Perbelanjaan perubatan	14,006	26,622
Perbelanjaan pejabat	9,526	8,579
Hutang ragu	64,350	-
Bayaran penstoran	3,283	3,432
Latihan dan perkembangan	5,456	5,490
Kebajikan pekerja	360	-
Cukai Barang dan Perkhidmatan	6,063	40,991
Cukai tanah	8,244	-
Jumlah Perbelanjaan	1,086,388	1,932,138

18. DIVIDEN YANG TIDAK DITUNTUT

Lembaga telah diminta oleh Perbendaharaan untuk membayar kepada Akaun Amanah Yang Disatukan yang dikendalikan di bawah Akta Wang Yang Tidak Dituntut, 1965 semua dividen yang tidak dituntut oleh pemegang-pemegang tiket yang menang, yang



dijual atas operasi totalisator yang dikendalikan oleh ejen yang dilantik untuk menjalani aktiviti pertaruhan lumba kuda.

Perbendaharaan telah memberi arahan supaya Lembaga membuat pembayaran dividen yang tidak dituntut ke dalam akaun hasil kerajaan sebagai wang yang tidak dituntut. Pada tahun 2016, Lembaga Totalisator Malaysia tidak menerima pembayaran dividen yang tidak dituntut daripada ejen-ejen Lembaga (2015: tiada).

19. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan telah dikelaskan semula supaya sesuai dengan pembentangan tahun ini.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773
WJD009013



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

L17-03&L17-03A, LEVEL 17,PJX-H.M. SHAH TOWER, NO. 16A, PERSIARAN BARAT, 46050 PETALING JAYA

 +603-7931 536

 +603-7931 4879